



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

21 September 2023

KENYATAAN MEDIA MINGGUAN PAC

Prosiding Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan *Personal Protective Equipment* (PPE)

1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) hari ini, selesai mengadakan prosiding keempat bagi isu Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan *Personal Protective Equipment* (PPE).
2. Hadir bagi memberi keterangan dan penjelasan pada hari ini adalah **YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Kang Siong**, Ahli Parlimen Ayer Hitam, **YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min**, mantan KSU KKM, **YBrs. Encik Mohd Fauzee bin Abd Majid**, Setiausaha Bahagian (Perolehan dan Penswastaaan) KKM yang mewakili **YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob**, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM dan **YBhg. Dato' Farshila Emran**, mantan Pengarah Urusan Pharmaniaga Berhad.
3. PAC berpuas hati dengan kerjasama semua saksi dan akan memasukkan keterangan serta penjelasan kesemua saksi bagi prosiding ini dalam Laporan PAC berhubung isu ini untuk dibentangkan pada Mesyuarat Ketiga Dewan Rakyat.

Prosiding Menteri Kewangan (Diperbadankan) – FELCRA Berhad

4. PAC telah mendengar keterangan dan penjelasan daripada 2 mantan Pengerusi FELCRA Berhad iaitu **YBhg. Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman** dan **Yang Berhormat Datuk Bung Mokhtar bin Raden** pada 18 September 2023 berhubung isu FELCRA Berhad yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2021 Siri 2: Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.
5. Namun, PAC akan mengadakan prosiding seterusnya bagi isu ini bagi mendapatkan keterangan dan penjelasan daripada **YBhg. Dato' Dr. Mohmad Isa bin Hussain**, mantan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) dan syarikat WZR Group iaitu kontraktor Menara Semarak 20 milik FELCRA Berhad sebelum memuktamadkan laporan mengenai perkara ini.

Pembentangan 4 Laporan PAC Pada Mesyuarat Ketiga

6. PAC akan membentangkan 4 laporan pada Mesyuarat Ketiga, yang akan diadakan dari 9 Oktober 2023 sehingga 30 November 2023, iaitu:
 - i. Laporan Terimaan dan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (ditetapkan tarikh pembentangan pada 11 Oktober 2023);
 - ii. Laporan Kemajuan Projek Pembinaan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combatant Ship* (LCS) bagi Tentera Laut Diraja Malaysia di bawah Kementerian Pertahanan bagi Tempoh Oktober 2022 hingga Mei 2023 (ditetapkan tarikh pembentangan pada 9 Oktober 2023);

- iii. Laporan Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan *Personal Protective Equipment* (PPE) (akan ditetapkan tarikh kemudian); dan
 - iv. Laporan Menteri Kewangan (Diperbadankan) – FELCRA Berhad (akan ditetapkan tarikh kemudian).
7. PAC berpuas hati dengan kerjasama yang telah diberikan oleh kesemua saksi yang terlibat dengan pelbagai prosiding PAC.

Lawatan Kerja Rasmi Yang di-Pertua Dewan Rakyat bersama PAC berhubung Kemajuan Projek Kapal Peronda Generasi Kedua - *Littoral Combatant Ship* (LCS)

8. Untuk makluman, PAC akan mengadakan lawatan kerja rasmi bersama Yang di-Pertua Dewan Rakyat, **YB Tan Sri Dato' Johari bin Abdul** pada 5 Oktober 2023.
9. Lawatan ini bertujuan untuk memberi pencerahan kepada **YB Tan Sri Dato' Johari bin Abdul**, berhubung laporan Kemajuan Projek Pembinaan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combatant Ship* (LCS) bagi Tentera Laut Diraja Malaysia di bawah Kementerian Pertahanan bagi Tempoh Oktober 2022 hingga Mei 2023 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada Mesyuarat Ketiga.
10. Sehubungan itu, PAC berharap **YB Tan Sri Dato' Johari bin Abdul** mempertimbangkan supaya Laporan PAC berhubung Kemajuan Projek Pembinaan LCS dibahaskan di Dewan Rakyat selepas dibentangkan.

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen**